

## **FAQ berkenaan Elaun Komputer Riba UPNM**

**1 Siapa yang terlibat dengan pelaksanaan Elaun Komputer Riba UPNM?**

Semua staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Pentadbiran) UPNM.

**2 Berapa had kelayakan Elaun Komputer Riba UPNM?**

Kelayakan Elaun Komputer Riba adalah sebanyak RM3,000.00 sahaja.

**3 Apakah dokumen yang diperlukan untuk melayakkan staf membuat tuntutan Elaun Komputer Riba UPNM?**

Staf perlu mendapatkan kelulusan permohonan melalui borang PEND(HRM)050 – Borang Permohonan Elaun Komputer Riba.

Staf juga perlu mengisi PEND(HRM)051 – Borang Tuntutan Bayaran Balik Elaun Komputer Riba untuk proses mendapatkan bayaran balik.

**4 Siapakah pemilik aset pembelian menggunakan Elaun Komputer Riba UPNM?**

Komputer riba yang telah dibeli melalui Elaun Komputer Riba UPNM ini menjadi milik staf.

**5 Adakah saya boleh menggunakan komputer peribadi yang sedang saya gunakan selepas saya membuat tuntutan Elaun Komputer Riba UPNM?**

Tidak. Pihak BTMK akan membuat proses pengambilan semula komputer peribadi selepas semua proses pembelian dan tuntutan selesai.

**6 Saya belum bersedia untuk menggunakan Elaun Komputer Riba. Bolehkah saya terus menggunakan komputer peribadi yang sedang saya gunakan sekarang?**

Terdapat 3 kategori komputer peribadi yang sedang digunakan di UPNM. Berikut adalah kategori dan jawapan bagi setiap kategori :

**1. Komputer Sewaan (Jenama Lenovo)**

Staf boleh terus menggunakan komputer tersebut sehingga tamat tempoh kontrak. Staf boleh menggunakan Elaun Komputer Riba selepas tempoh kontrak sewaan tamat.

**2. Komputer Sewaan (Jenama Acer)**

Kontrak sewaan akan tamat pada pertengahan bulan Mei 2023. Staf boleh membeli komputer tersebut selepas tamat sewaan. Sekiranya belum bersedia menggunakan Elaun Komputer Riba, pihak BTMK akan menyediakan komputer peribadi gantian bergantung kepada stok aset UPNM sedia ada.

**3. Komputer Peribadi (Aset UPNM)**

Staf boleh terus menggunakan komputer tersebut sehingga bersedia untuk menggunakan Elaun Komputer Riba.

## **FAQ berkenaan Elaun Komputer Riba UPNM**

- 7 Saya ingin menggunakan Elaun Komputer Riba tetapi tidak tahu tempat dan jenis komputer yang sesuai dengan keperluan saya. Adakah UPNM melantik pembekal membolehkan staf membuat pembelian dengan lebih sistematik?**

Pihak BTMK telah bekerjasama dengan pihak UPNM Holding untuk menyediakan jenis-jenis komputer riba yang bersesuaian dengan keperluan staf UPNM. Staf boleh merujuk kepada brosur yang disediakan oleh UPNM Holding.

- 8 Adakah pembelian komputer riba Original Equipment Manufacturer (OEM) dibenarkan?**

Tidak. Komputer riba Original Equipment Manufacturer (OEM) adalah produk tanpa jenama. Hanya komputer riba berjenama sahaja yang dibenarkan.

- 9 Adakah pembelian lebih dari satu unit komputer riba dibenarkan?**

Tidak. Hanya satu (1) unit komputer riba dibenarkan dalam satu masa.

- 10 Bolehkah pembelian telefon pintar menggunakan elaun komputer riba dibenarkan?**

Tidak. Elaun Komputer Riba hanya dibenarkan bagi pembelian komputer riba sahaja.

- 11 Saya berminat dengan komputer riba jenama Apple MacBook. Boleh kah saya membeli komputer riba jenama tersebut?**

Boleh tetapi pihak BTMK tidak dapat memberi sokongan teknikal dan perisian sepenuhnya kerana kekangan dari segi kepakaran dan ketersediaan perisian terhadap jenama berkenaan. Staf digalakkan untuk melanggan perkhidmatan AppleCare yang disediakan oleh pengeluar.

- 12 Saya staf kontrak. Adakah saya layak untuk Elaun Komputer Riba?**

Semua staf berstatus tetap, percubaan, kontrak dan pinjaman layak menggunakan Elaun Komputer Riba.

- 13 Berapa lama tempoh pusingan Elaun Komputer Riba?**

Setiap 5 tahun. Staf boleh memohon untuk Elaun Komputer Riba selepas tempoh tersebut dihabiskan.

- 14 Adakah elaun komputer riba ini hanya untuk staf akademik sahaja atau terbuka kepada staf bukan akademik juga?**

### **Fasa 1**

Fasa pertama adalah melibatkan staf Pengurusan dan Profesional Pentadbiran sahaja.

### **Fasa 2**

Pihak BTMK akan memaklumkan secara rasmi apabila Elaun Komputer Riba boleh dipohon oleh semua staf Pengurusan dan Profesional termasuk staf akademik.

## **FAQ berkenaan Elaun Komputer Riba UPNM**

**15 Adakah BTMK akan buat selenggaraan komputer riba yang dibeli?**

Skop selenggaraan komputer yang dibeli menggunakan Elaun komputer Riba UPNM adalah meliputi perisian (yang dibekalkan oleh KPT) dan selenggaraan fizikal (tidak memerlukan penggantian peralatan dan melibatkan kerosakan).

**16 Adakah UPNM akan tanggung pembiayaan kos selenggaraan?**

Tidak. Penyelenggaraan yang melibatkan kos perlu ditanggung oleh staf.

**17 Adakah sebarang penggantian komputer riba jika komputer tersebut rosak sebelum berakhir tempoh pusingan?**

Pihak BTMK akan membekalkan komputer sama ada komputer peribadi atau komputer riba bergantung kepada stok aset semasa. Permohonan dan bukti kerosakan perlu dihantar kepada BTMK untuk tujuan pengesahan.

**18 Adakah BTMK akan membuat pemasangan perisian *Microsoft* dan *Antivirus* pada komputer riba?**

Pihak BTMK akan membuat pemasangan perisian berikut (jika perlu):

- i. Naik taraf versi Sistem Operasi (Windows) kepada versi terkini mengikut lesen yang dibekalkan oleh KPT.
- ii. Pemasangan Microsoft Office mengikut versi terkini yang dibekalkan oleh KPT.

Pihak BTMK tidak membekalkan Antivirus. Staf perlu membuat pembelian komputer riba bersama dengan Antivirus.

**19 Apakah tindakan dikenakan jika komputer dibeli menggunakan Elaun Komputer Riba hilang?**

UPNM tidak bertanggungjawab jika berlaku kehilangan. Sekiranya berlaku kehilangan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh kelulusan, staf bertanggungjawab mengganti komputer riba tersebut menggunakan kos sendiri.

**20 Jika staf meletak jawatan, dibuang kerja atau ditamatkan dari perkhidmatan, adakah staf perlu membuat bayaran semula?**

Ya. Staf perlu membuat bayaran balik elaun sekiranya situasi-situasi berikut berlaku dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh kelulusan pemberian elaun:

- Bersara pilihan/awal daripada tempoh perkhidmatan;
- Diberhentikan kerja atau berhenti secara sukarela;
- Tamat kontrak perkhidmatan; dan
- Tamat tempoh pinjaman.

Bayaran balik baki elaun dikecualikan jika staf meninggal dunia atau ditamatkan perkhidmatan disebabkan masalah kesihatan.